

Eksport biji, produk koko lebih RM3b

LKM pergiat promosi di dalam, luar negara

Oleh Ahmad Fiesal Othman
fosal@bharian.com.my

NILAI eksport biji dan produk koko negara dijangka meningkat melebihi RM3 bilion tahun ini sejajar pasaran komoditi lain yang dijangka meningkat ekoran petunjuk positif pemulihan ekonomi dunia.

Timbalan Menteri Perumahan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin, berkata kemelesetan ekonomi global menyebabkan eksport biji dan produk koko negara terjejas tahun lalu dengan nilainya dianggar RM2.8 bilion berbanding

RM3.35 bilion pada 2008.

“Angka sebenar eksport biji dan produk koko tahun lalu akan hanya dikeluarkan sebelum suku pertama tahun ini, tetapi dijangka merosot berbanding tahun sebelumnya berikutan kemelesetan ekonomi,” katanya selepas merasmikan Pameran Coklat Malaysia 2010 di Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama Ketua Pengarah Lembaga Koko Malaysia (LKM), Datuk Dr Azhar Ismail.

Pameran Coklat Malaysia 2010 itu yang juga pameran pertama seumpamanya diadakan di negara ini berlangsung semalam hingga esok di

Pusat Pameran Mid Valley, Kuala Lumpur.

Ita diilhamkan dan dianjurkan oleh Bluedale Conference and Exhibitions serta mendapat sokongan LKM.

Sebanyak 26 pengeluar coklat dari dalam dan luar negara mengambil bahagian pada pameran yang dijangka menarik lebih 10,000 pengunjung dan peminat seni pembuatan coklat.

Hamzah berkata, industri koko tempatan ber potensi besar dikembangkan kerana Malaysia antara pengeluar biji koko terbaik dunia.

Katanya, Malaysia kini menduduki tempat kelima pe-



HAMZAH rasai keenakan coklat pada Pameran Coklat Malaysia 2010 di Kuala Lumpur, semalam.

ringkat global dari segi pengeluaran biji koko dan pertama di Asia dari segi pengeluaran biji koko kasar.

“Produk berasaskan koko Malaysia seperti lemak koko, serbuk koko, pes koko dan coklat kini dipasarkan ke lebih 80 negara termasuk Amerika Syarikat dan Ero-

pah,” katanya.

Hamzah berkata, sejajar usaha meningkatkan eksport dan pengeluaran koko negara, kerajaan sentiasa menggalakkan penanaman koko secara besar-besaran.

Sementara itu, Dr Azhar berkata, LKM turut melaksanakan aktiviti bagi mem-

promosi dan meningkatkan penggunaan produk koko di dalam dan luar negara.

LKM membangunkan usahawan perusahaan kecil dan sederhana berasaskan koko dan setakat ini 66 usahawan dibangunkan menerusi Program Pembangunan Usahawan Koko Malaysia.